

MAHASISWA DAN KEHIDUPAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM: PENAMPILAN, KESIHATAN, DAN AKTIVITI SOSIAL JILID III

Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia, qamar@utm.my

Suggested Citation:

Jasmi K. A. (2015). *Mahasiswa dan Kehidupan Menurut Perspektif Islam: Penampilan, Kesihatan, dan Aktiviti Sosial. Jilid III*. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press. ISBN: 978-983-52-1042-6.

SINOPSIS

Mahasiswa dan Kehidupan dari Perspektif Islam Jilid 1 dengan tajuk siri ini, iaitu penampilan, kesihatan, dan Aktiviti Sosial merupakan buku yang membincangkan asas kehidupan mahasiswa Muslim di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Buku ini menghimpunkan empat artikel yang berkisar tentang perkara berikut:

- (1) Mahasiswa dan Gaya penampilan
- (2) Mahasiswa dan Diet Sihat
- (3) Mahasiswa dan Aktiviti Senaman
- (4) Mahasiswa dan Kegiatan Sosial

Keempat-empat artikel ini membincangkan secara khusus perkara yang menjadi teras kehidupan mahasiswa yang bersifat luaran diri para mereka yang berupa penampilan dan gaya diri, pengamalan pemakanan yang seimbang, kegiatan sukan dan senaman, serta amalan kegiatan sosial seharian. Semua aspek ini menjadi teras kepada kecemerlangan mahasiswa dalam kehidupan mereka di alam pengajian dan seterusnya mendapat faedah yang berpanjangan ketika berada di alam pekerjaan yang mencabar.

Buku ini diharap dapat memberi sumbangan yang besar kepada semua para pelajar di Universiti dan Institut Pengajian Tinggi awam dan swasta dalam merencana kehidupan di kampus dan kehidupan akan datang.